

16 JUN 1999

Koh-Rayuan

KERAJAAN NEGERI RAYU PELANJUTAN PEMANSUHAN AKTA KAWALAN SEWA

PULAU PINANG, 16 Jun (Bernama) -- Kerajaan Pulau Pinang akan membuat rayuan rasmi kepada Kerajaan Pusat bagi melanjutkan tarikh akhir pemansuhan Akta Kawalan Sewa dalam tempoh tiga tahun daripada Januari 2000 kepada Januari 2003 bagi memberi masa kepada pembangunan semula dan penyiapan sejumlah projek perumahan kos rendah sederhana (LMCH).

Ketua Menteri Tan Sri Dr Koh Tsu Koon dalam satu kenyataan di sini hari ini berkata pelanjutan itu diperlukan memandangkan projek-projek LMCH di negeri ini juga diperuntukkan kepada penghuni yang terjejas oleh pemansuhan akta kawalan sewa, terutama di Georgetown dan daerah timur laut di sini.

Beliau berkata demikian selepas membuat kajian semula sejak dua minggu lepas mengenai projek-projek LMCH yang kebanyakannya merupakan komponen projek pembangunan hartanah yang besar yang terhenti sementara malah ada yang terbengkalai akibat kegawatan ekonomi yang menjejaskan pasaran hartanah di Pulau Pinang.

Koh berkata beliau akan mengemukakan memorandum terperinci mengenai kesan impak akibat pemansuhan akta kawalan sewa membabitkan situasi perumahan di Pulau Pinang kepada Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi dan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan Dr Datuk Dr Ting Chew Peh.

"Ia akan mengandungi cadangan mengenai pindaan Akta Kawalan Sewa (pemansuhan) 1997 dan permintaan bantuan daripada kerajaan persekutuan," katanya.

Berdasarkan kajian bersama yang dijalankan oleh kerajaan negeri dan Univesiti Sains Malaysia pada tahun 1992-1993, terdapat 16,116 isi rumah yang mendiami 12,577 premis kawalan sewa di Pulau Pinang dan daripada jumlah itu, 10,350 isirumah tinggal di 8,284 premis di Georgetown dan daerah timur laut.

Bagi menggalakkan pemaju membina lebih banyak rumah jenis kos rendah sederhana pada harga RM50,000 seunit semasa perlaksanaan pemansuhan akta itu, kerajaan negeri pada tahun 1994 memperkenalkan skim LMCH dengan kepadatan lebih tinggi serta insentif lain.

Menurut Koh berdasarkan 1,758 unit yang akan dibina di enam projek perumahan LMCH yang diluluskan, kerajaan negeri pada masa itu yakin dengan jumlah kediaman alternatif yang mencukupi bagi mereka yang terjejas dengan pemansuhan akta tersebut.

Bagaimanapun daripada enam projek itu, empat projek yang telah memulakan kerja tanah atau pembinaan tetapi tiga daripadanya berhenti manakala dua lagi belum memulakan kerja kerana masalah kewangan dan lain-lain sebab.

Koh juga berkata sembilan projek LMCH lain yang diluluskan di timur laut membabitkan 2,695 unit masih belum dimulakan manakala lima projek lain membabitkan 4,401 unit disahkan terbengkalai.

Berdasarkan pemulihan projek-projek swasta dan penyiapannya yang dijangka mengambil masa tiga tahun atau lebih, tempoh penamatan pemansuhan akta kawalan sewa itu perlu dilanjutkan bagi membolehkan penyewa mencari kediaman alternatif, katanya.

-- BERNAMA

AA LAT